

02/05/1997

PDRM cari calon unit jenayah komputer

SUBANG, Khamis - Polis Diraja Malaysia (PDRM) sedang mencari calon sesuai untuk berkhidmat sebagai anggota beruniform dalam Unit Khas Jenayah Komputer yang akan ditubuhkan tidak lama lagi.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob, berkata penubuhan unit itu sedang diteliti bagi memastikan ia berupaya menangani jenayah komputer, termasuk dari segi penguatkuasaan dan pendakwaan, berikutan perkembangan pesat teknologi maklumat (IT) di negara ini.

"Kita sedang mencari pakar (dalam bidang komputer) untuk menyertai PDRM. Di samping itu, kita juga sedang mencari graduan dari institusi pengajian tinggi tempatan dan luar negara yang berminat menyertai PDRM supaya kita boleh latih mereka (dalam bidang komputer) untuk memenuhi keperluan semasa," katanya.

Beliau memberitahu pemberita selepas mengucapkan selamat jalan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rombongan yang berlepas ke Malawi di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di sini, pagi ini.

Ketika menggulung perbahasan Rang Undang-undang Jenayah Komputer 1997 di Dewan Rakyat semalam, Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie berkata, polis akan menubuhkan unit khas yang dianggotai pegawai berpengetahuan dalam bidang komputer untuk menyiasat kes mengikut akta itu.

Selain rang undang-undang itu, yang diluluskan oleh Dewan Rakyat, beberapa undang-undang siber lain sudah dibentangkan iaitu Rang Undang-undang Tandatangan Digital 1997 (bacaan kali kedua), Rang Undang-undang Teleperubatan 1997 (bacaan kali pertama) dan Rang Undang-undang Hakcipta (Pindaan) 1997 (bacaan kali pertama).

Megat Junid berkata, pengambilan pegawai yang berpengetahuan komputer penting bagi membolehkan PDRM benar-benar bersedia menangani jenayah lebih rumit, terutama perdagangan menerusi komputer, dengan terciptanya pelbagai peralatan canggih hasil kemajuan IT.

(END)